

KELUARAN KHAS

BH

Sabtu,
16 Disember
2017



MEMPERKASA PENDIDIKAN NEGARA





Oleh Haryani Ngah
aryani@bh.com.my

Pendidikan bukan agenda negara yang boleh dijayakan secara bersendirian kerana ia memerlukan komitmen semua pihak.

Kejayaan sistem pendidikan akan dinilai berdasarkan keupayaan dinikmati kumpulan sasaran iaitu pelajar dan masyarakat, seterusnya meningkatkan taraf hidup mereka pada masa depan.

Dalam mencapai kejayaan bidang pendidikan, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) banyak memainkan peranannya terutama kepada 2.8 juta peminjam melanjutkan pengajian mereka.

Pengerusi PTPTN, Datuk Dr Shamsul Anwar Nasarah (**gambar**), berkata dalam tempoh 20 tahun, PTPTN berjaya kepada peminjam dan keluarga mereka, pada masa sama, menabur bakti melahirkan ramai ilmu, teknokrat, profesional, usahawan serta tokoh dalam pelbagai bidang di negara ini.

"Kita benar-benar menjadi perbadanan yang membantu

meletakkan negara pada tahap seperti dihasratkan kerajaan.

20 tahun berdepan cabaran
"Dalam tempoh 20 tahun juga, PTPTN berdepan cabaran persepsi masyarakat yang melihat agensi ini menekan rakyat tetapi akhirnya berubah kepada kepentingan PTPTN membantu rakyat dan negara.

"Pelbagai transformasi berlaku dalam perkhidmatan bermula di atas kertas dan kini hanya di hujung jari, malah PTPTN melaksanakan pelbagai kerjasama strategik bersama agensi kerajaan dan swasta," katanya.

Shamsul Anwar berkata, kejayaan PTPTN banyak dipengaruhi kekuatan kerjasama dalam dan luar organisasi pendidikan.

Keupayaan mengenal pasti dan memanfaatkan sepenuhnya jalinan kerjasama menentukan kejayaan setiap organisasi itu.

"PTPTN juga tidak terkecuali menjalin kerjasama dengan agensi luar, bertujuan meningkatkan lagi keberkesanan kesedaran bayaran balik dan penabungan pendidikan secara lebih meluas.

"Kerjasama strategik seperti program Sahabat, perjanjian persefahaman dan penguatkuasaan dilihat berjaya meningkatkan kutipan bayaran balik serta deposit simpanan dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN).

"Selari dengan sasaran Transformasi Nasional 2050 (TN50), kita perlukan rakyat merancang masa depan mereka," katanya.

Shamsul Anwar berkata, apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak memberi jenama baharu SSPN kepada Skim Simpanan Pendidikan 1Malaysia (SSP1M), ia memberi isyarat soal pendidikan perlu dirancang lebih awal.

"Perancangan pendidikan perlu dibuat menerusi pelaburan iaitu melalui simpanan. PTPTN dipertanggungjawab menterjemahkan hasrat kerajaan dengan meningkatkan perkhidmatan termasuk dalam soal simpanan.

"Pada 2018, kita akan memfokuskan tabungan, malah sambutan masyarakat terhadap SSPN-i juga amat menggalakkan," katanya.

Shamsul Anwar berkata, berdasarkan rekod, trend penabungan dilihat semakin meningkat melau

lui peningkatan bilangan akaun dan jumlah deposit dari tahun ke tahun.

Bagaimanapun, katanya, bilangan yang memulakan simpanan ini masih kecil berbanding bilangan keseluruhan rakyat Malaysia.

"PTPTN juga tidak mahu masyarakat terus bergantung kepada pinjaman disediakan, sebaliknya akan memupuk budaya menabung

Pilihan utama ibu bapa

"SSPN-i Plus yang dilancarkan dua tahun lalu perlu menjadi pilihan utama ibu bapa membuat perancangan kewangan untuk pendidikan tinggi anak, selain ia memberi perlindungan takaful yang komprehensif untuk ibu bapa serta keluarga," katanya.

Shamsul Anwar berkata, PTPTN juga menyokong kerajaan menjayakan program kesejahteraan rakyat melalui aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi meningkatkan imej dan reputasinya.

"Pelbagai aktiviti CSR diadakan dari segi pendidikan, komuniti, kemasyarakatan, bencana dan alam sekitar," katanya.

Tingkat sistem penyampaian lebih efisien

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sentiasa meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan supaya lebih dekat di hati masyarakat.

Ketua Eksekutif PTPTN, Wan Ahmad Wan Yusoff, berkata langkah itu bagi memastikan sistem pinjaman efisien dapat disediakan untuk mengelak pelajar gagal memasuki institusi pengajian tinggi (IPT) atas sebab kewangan.

Beliau berkata, ia penting untuk memastikan sekurang-kurangnya 50 peratus penduduk berumur 17 hingga 23 tahun berpeluang mengikuti pendidikan di peringkat tinggi menjelang tahun 2020.

"Bagi meningkatkan kesedaran menabung tahun ini adalah 'Tahun Penabungan'. Pelbagai program dan aktiviti PTPTN mengangkat tema 'penabungan' dalam usaha membudayakan penabungan di Malaysia.

"Tema ini diharap dapat

mengubah perspektif bahawa PTPTN bukan untuk meminjam saja, malah berharap 'Tahun Penabungan' terus disemarakkan dan disemai," katanya.

Keperluan amalan menabung

Wan Ahmad berkata, amalan menabung dengan PTPTN amat penting bagi mengatasi masalah kewangan ibu bapa apabila anak melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi (IPT) sekali gus mengelak keciciran.

Katanya, atas dasar tanggungjawab sosial, PTPTN bergerak ke seluruh negara termasuk di IPT, awam, swasta serta kawasan pedalaman bagi memupuk kesedaran orang ramai kepentingan penguatkuasaan kewangan yang baik dan pembelajaran sepanjang hayat.

Mengenai penambahbaikan, beliau berkata, PTPTN melebarkan sayap di seluruh negara bagi memperkasa sistem perkhidmatan

kepada masyarakat khususnya peminjam dan pendeposit.

Antara lain, katanya, penawaran urah satu peratus, rundingan bayaran balik ikut kemampuan, diskaun bayaran pinjaman, pemanjangan waktu operasi kiosk PTPTN di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (Klia) termasuk pejabat di UTC dan menambah 70 cawangan seluruh negara.

"Mereka boleh membayar balik melalui Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akaun 2, direct debit, Jom Pay, Mypay, FPX, perbankan internet, potongan gaji secara dalam talian dan 241 kiosk payquik seluruh negara.

"Bagi yang sukar membayar pinjaman, kita bekerjasama dengan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), selain melaksanakan penangguhan bayaran balik sehingga 24 bulan (jika tidak bekerja) serta penggabungan pinjaman," katanya.



Bagi meningkatkan kesedaran menabung dalam kalangan rakyat, tahun ini adalah 'Tahun Penabungan'."

Wan Ahmad Wan Yusoff,
Ketua Eksekutif PTPTN



MEMPERKASA
PENDIDIKAN
NEGARA



Kerajaan sedia inisiatif bantu rakyat lanjut pelajaran

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang menginjak usia 20 tahun mengambil pelbagai inisiatif, selain sentiasa berusaha mendekatkan diri dengan pelanggan, sekali gus memastikan setanding dengan institusi lain.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata pembukaan pejabat negeri dan cawangan serta pelantikan Eksekutif Pemasaran disifatkan sebagai langkah bijak bagi tujuan outreach.

Katanya, PTPTN semakin berani membuat kelainan dengan mengambil langkah tegas seperti penyenaraian hitam peminjam dalam Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS), selain mewujudkan potongan gaji kakitangan kerajaan serta swasta.

"Saya berharap masyarakat tidak menyalah anggap tindakan berkenaan kerana perkara ini bukanlah menyusahkan peminjam, sebaliknya bagi memastikan dana yang berterusan dan PTPTN boleh terus memberikan pembiayaan kepada generasi akan datang.

Mampu bayar balik

"Lonjakan kutipan bayaran balik direkodkan selepas pelaksanaan kaedah penguatkuasaan ini menunjukkan peminjam sebenarnya



Idris (tengah) bersama pelajar pada Majlis Jalinan Mesra PTPTN-Besut di Sekolah Menengah Intiaz Yayasan Besut, baru-baru ini.

mampu membayar balik tetapi memerlukan sesuatu peringatan untuk membuat mereka melaksanakan tanggungjawab itu.

"Sebelum ini, saya pernah berkata amalan membayar balik hutang perlu dibudayakan dan masyarakat harus melihat ini sebagai satu tanggungjawab dan mereka juga boleh berasa bangga kerana berupaya membayar balik pinjaman," katanya.

Mengulas Bajet 2018, Idris berkata, pelbagai inisiatif diperuntukkan melalui PTPTN membuktikan kerajaan komited menyedia-

kan kemudahan membantu segenap lapisan masyarakat melanjutkan pelajaran tanpa dihalang kekangan kewangan.

Beliau berkata, semua inisiatif itu memberi manfaat kepada pembiayaan pelajar dan peminjam membayar balik.

Segera rebut peluang

Katanya, peminjam digalakkan segera merebut peluang keemasan itu kerana ia terbuka kepada semua, sama ada mereka yang dikenakan tindakan penguatkuasaan atau tidak.

"Diharap tawaran ini dapat meningkatkan kesedaran peminjam yang bekerja seperti kakitangan awam dan swasta membayar secara konsisten melalui kaedah potongan gaji atau direct debit.

"Semoga insentif ini dapat meringankan beban peminjam melaksanakan pembayaran balik pinjaman. Melalui kutipan bayaran balik ini juga dapat membantu memastikan kelangsungan pinjaman kepada generasi akan datang. Saya berharap PTPTN dapat mencapai kutipan RM4 bilion setiap tahun," katanya.

Idris berkata, kerajaan komited membudayakan sikap menabung kepada masyarakat dan terbukti menerusi Insentif Khas Geran Sepadan seperti diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dalam pembentangan Bajet 2018 baru-baru ini.

Katanya, bagi tujuan itu, kerajaan memperuntukkan RM250 juta kepada 500,000 kanak-kanak berumur tujuh hingga 12 tahun yang menabung dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional 1Malaysia (SSPN1M) dengan simpanan RM500 akan dimasukkan secara percuma sekiranya jumlah simpanan dibuat pada 2018 menca-

pai sekurang-kurangnya RM500.

Penabungan awal

"Insentif Khas Geran Sepadan untuk deposit SSPN-i pula satu anugerah kepada ibu bapa yang mempunyai anak memulakan dan meneruskan perancangan kewangan pendidikan. Dengan penabungan seawal usia anak oleh ibu bapa, graduan akan datang hanya mempunyai hutang pendidikan yang minimum dan tidak membebaskan mereka.

"Simpanan pendidikan berterusan melalui SSPN-i/SSPN-i Plus memberi peluang cerah untuk anak melanjutkan pelajaran tanpa menghadapi kekangan aspek kewangan," katanya.

Justeru, beliau berharap PTPTN akan meneruskan langkah proaktif memastikan dana pendidikan tinggi yang lebih stabil dapat disediakan dan diuruskan, bukan saja bagi pembiayaan pendidikan tetapi juga simpanan pendidikan.

"Saya berterima kasih kepada 1.9 juta peminjam PTPTN yang membuat bayaran balik. Peminjam PTPTN yang belum membuat bayaran balik, diharap segera berbuat demikian.

"Jika tidak mampu atau mempunyai masalah bayaran, segera lah berunding dengan PTPTN. Ini dapat meringankan beban ditanggung peminjam dalam menguruskan hutang pinjaman mereka," katanya.

Beliau turut berharap masyarakat membantu dan menyokong PTPTN melaksanakan tanggungjawabnya kerana tanpa PTPTN, ramai pelajar yang mendapat tawaran ke pusat pengajian tinggi awam dan swasta tidak dapat melanjutkan pelajaran kerana masalah kewangan.



Melalui kutipan bayaran balik ini juga dapat membantu memastikan kelangsungan pinjaman kepada generasi akan datang"

Idris Jusoh,
Menteri Pendidikan Tinggi

MS.3

BH

Sabtu,
16 Disember
2017



MEMPERKASA
PENDIDIKAN
NEGARA







Selain penolakan automatik kos pengajian yang dibuat Management and Science University (MSU), saya turut terima pinjaman daripada PTPTN setiap semester"

Wany Hasrita, Penyanyi



Saya berusaha gigih untuk memastikan tamat pengajian dengan keputusan ijazah kelas pertama dan mendapat pengecualian bayaran balik"

Kamarul Ariffin Othman, Penerbit TV



PTPTN penyelamat, talian hayat ke IPT

Oleh Mohd Farkhan
Abdul Ghapar
bhnews@beritaharian.com

Tanpa bantuan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), saya mungkin tidak kecapai kejayaan yang saya miliki sekarang. Ia menjadi sumber kewangan utama yang menampung pendidikan saya, terutama menyiapkan tugas dan kerja kursus ketika belajar dahulu," kata Kamarul Ariffin Othman, 25, yang kini menjadi penerbit rancangan televisyen popular, CJ WOW Shop.

Pinjaman dana PTPTN membolehkan Kamarul melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Massa Kewartawanan di Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam.

Pengecualian bayaran balik
Lebih mengembirakan apabila pinjaman pendidikan itu ditukarkan kepada status biasiswa percuma selepas beliau berjaya menamatkan pengajian dengan cemerlang dan mendapat ijazah kelas pertama pada 2015.

"Saya berusaha gigih untuk memastikan tamat pengajian dengan

keputusan ijazah kelas pertama dan mendapat pengecualian bayaran balik. Ini menjadikan pengajian saya sepanjang di universiti adalah percuma dan terharu dengan kemudahan yang diberikan itu.

"Malah, proses permohonan PTPTN juga ringkas dan efisien, sekali gus memudahkan lagi urusan peminjam," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Kamarul Ariffin berkata, dakwaan sesetengah pihak kononnya pendidikan di Malaysia perlu dibayar dengan kos tinggi adalah tidak benar.

Bagi Eksekutif Insurans, Afiq Jamalullail Najib, 29, yang menerima bantuan PTPTN bersyukur kerana berjaya bergelar graduan bidang Perniagaan Teknologi Maklumat.

"Pinjaman PTPTN mengenakan syarat fleksibel, membuka ruang kepada saya melanjutkan pelajaran ke universiti pada 2005.

"Kemampuan keluarga ketika itu pula hanya berpendapatan sederhana dan ibu bapa turut menanggung persekolahan adik-beradik lain. Saya akui PTPTN banyak membantu meringankan beban kewangan keluarga," katanya.

Anak sulung daripada empat

beradik itu turut menasihatkan peminjam lain supaya lebih bertanggungjawab melunaskan bayaran pinjaman PTPTN.

"Jika sebelum ini, pelajaran saya di universiti berjalan lancar dengan bantuan PTPTN, kini tanggungjawab saya sebagai peminjam untuk membayar balik pinjaman supaya bantuan sama dapat dinikmati pelajar lain pula.

"Tindakan ini juga sebagai tanda terima kasih kepada PTPTN yang membantu meringankan beban keluarga menyara anak belajar," katanya.

Pelbagai inisiatif, produk PTPTN

Selepas 20 tahun penubuhannya, PTPTN membelanjakan hampir RM51.55 bilion untuk membiayai pengajian mereka yang berpeluang ke menara gading.

Sepanjang tempoh itu, pelbagai inisiatif dan produk PTPTN diperkenalkan kepada bakal peminjam dan peminjam sedia ada bagi memudahkan proses bayaran balik pinjaman.

Antara inisiatif berkenaan seperti skim simpanan SSPN-i dan SSPN-i Plus serta bayaran balik melalui potongan gaji.

Sementara itu, suri rumah, Ha-

simah Umar, 51, dari Klang, Selangor, menganggap PTPTN sebagai 'talian hayat' untuk memastikan anak sulung dan anak keduanya melanjutkan pendidikan ke universiti.

"Saya terharu kerana bantuan PTPTN meringankan beban keluarga kami kerana tidak perlu mencari dana lain menanggung bayaran yuran pengajian," katanya.

Hasimah berkata, anak sulungnya, Muhammad Ariff Alfiq Abd Aziz @Shahrizal, 23, kini bertugas sebagai Eksekutif Penjenamaan dan Promosi di stesen radio, iM4UFM selepas tamat pengajiannya tahun lalu, manakala anak kedua masih meneruskan pengajian di UiTM.

Bagi Jainap Arshad, 44, dari Rawang, beliau terutang budi kepada PTPTN yang meringankan bebannya menyara pengajian anak di universiti.

"Paling mengembirakan apabila anak saya, Mohd Khairul Ridzuan Jamal, 23, yang tamat pengajian Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) Pengurusan Operasi pada tahun lalu, dikesualikan membayar pinjaman itu kerana mendapat ijazah kelas pertama," katanya.



Usaha kerajaan menawarkan PTPTN adalah inisiatif yang sangat bagus"

Fattah Amin, Pelakon



Pinjaman PTPTN sangat membantu, apatah lagi saya bukan keluarga senang...terima kasih PTPTN!

Fizo Omar, Pelakon dan pengacara



Bayaran balik pinjaman PTPTN lebih konsisten

Oleh Nur Afiradina Arshad
bhnews@bh.com.my

Ramai peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) membayar balik pinjaman mereka terutama selepas kerajaan mengumumkan beberapa insentif khas bagi menggalakkan proses pembayaran berkenaan.

Pembantu Pengurus Pemasaran, Yap Kang Hsien, 30, berkata dia berterima kasih dengan pengurusan PTPTN kerana mewujudkan kemudahan akses yang baik kepada peminjam membuat bayaran pinjaman.

Beliau berkata, antara lain, PTPTN mewujudkan kemudahan bayaran di laman web bagi membolehkan peminjam membayar pinjaman secara konsisten tanpa perlu hadir ke kaunter bayaran.

"Langkah ini dapat meningkatkan jumlah pembayaran, sekali gus melahirkan budaya membayar balik pinjaman lebih berkesan yang akhirnya membantu PTPTN memberi pinjaman sama kepada pelajar lain pula," katanya.

Kang Hsien dari Segamat, Johor, berkeputusan Ijazah Sarjana Muda Komunikasi dari Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang

menerima bantuan PTPTN ketika berada di tahun satu pengajiannya pada tahun 2006.

Beliau yang tamat pengajian pada 2010, kini membayar semula pinjaman berjumlah RM350 sebulan. Katanya, sebelum ini terdapat banyak komen negatif berhubung peminjam sukar membuat bayaran kerana terpaksa hadir ke kaunter bayaran.

Mudahkan pembayaran

"Selepas adanya sistem pembayaran secara dalam talian, ia memudahkan kami membayar balik pinjaman walaupun berada di luar negara.

"Kewujudan talian Careline PTPTN ini juga menyenangkan peminjam bertanya sebarang kemusykilan berhubung isu pinjaman," katanya.

Jururawat, Norhayati Shamsudin, 38, pula berkata, kakitangan PTPTN juga mudah diajak berbincang bagi penstrukturan semula pinjaman.

"Sebelum ini, saya ada masalah kewangan dan bayaran dibuat tidak konsisten serta jumlah bayaran tidak menentu.

"Namun, selepas ekonomi agak stabil, saya menghubungi talian Careline PTPTN bagi menetapkan jumlah potongan bulanan baharu secara terus daripada akaun dan mereka banyak membantu

menguruskan hal ini," katanya.

Norhayati berkata, pada Oktober lalu, dia berjaya menyelesaikan separuh jumlah pinjamannya.

"Kini hanya tinggal RM4,000 dan saya memohon penstrukturan dibuat lagi bagi menetapkan bayaran RM50 sebulan dan terharu PTPTN membenarkannya," katanya ketika dihubungi BH.

Sementara itu, guru tadika, Nurul Hazwani Mustafa, 24, dari Melaka berkata, beliau kagum dengan ketelusan PTPTN yang sangat fleksibel dan memahami masalah ditanggung peminjam membuat bayaran balik.

"Tidak semua peminjam mampu membayar jumlah ditetapkan. Contohnya, saya yang tamat pengajian Ijazah Sarjana Muda Komunikasi dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada tahun lalu, kini bekerja guru tadika sementara dan gaji diperoleh tidak mampu membayar pinjaman.

"Jadi, saya pergi ke kaunter PTPTN dan berbincang cara terbaik menyelesaikan pinjaman," katanya.

Nurul Hazwani berkata, PTPTN menerima bayaran serendah RM50 bagi peminjam yang tidak mampu membuat bayaran balik.



Peminjam digalak berbincang untuk bayaran balik pinjaman.

Fakta nombor

RM12.39 BILION
daripada RM19.13 bilion pinjaman dibayar balik

1.5 JUTA
daripada 1.9 juta peminjam bayar balik



Nurul Hazwani Mustafa



Yap Kang Hsien

Media sosial rapat hubungan PTPTN, peminjam

Pelbagai pembaharuan dilakukan sejak 20 tahun penubuhan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bagi memastikan kebajikan rakyat Malaysia terjamin khususnya dalam bidang pendidikan.

Pengurus Besar Kanan Jabatan Pemasaran dan Komunikasi Strategik PTPTN, Abdul Ghaffar Yusop (gambar), berkata pihaknya mewujudkan pelbagai inisiatif bagi menjadikan PTPTN mengikut peredaran zaman.

"Antara kaedah dilakukan adalah #BolehBincang untuk peminjam melakukan penstrukturan dan penjadualan semula bayaran pinjaman.

"Kaedah ini dilancarkan pada 23 Mac lalu dan peminjam boleh menghubungi atau hadir ke kaunter untuk berunding dengan kami.

"Ia penting bagi membolehkan kami mengetahui keadaan ekono-

mi peminjam dan mencadangkan pembayaran bersesuaian," katanya.

Abdul Ghaffar berkata, dengan adanya #BolehBincang, bayaran pinjaman semula meningkat RM3.6 bilion sehingga November lalu berbanding tahun sebelumnya.

Banyak penambahbaikan

"Selain itu, wujud beberapa penambahbaikan lain termasuk penawaran ujrah, diskaun bayaran dan penstrukturan semula pinjaman sehingga 60 tahun," katanya.

Selain itu, portal PTPTN melakukan penambahbaikan operasinya sejak 20 tahun lalu.

"Peminjam boleh mengetahui pelbagai maklumat daripada laman web mesra pengguna dan mudah difahami.

"Portal ini juga lebih interaktif kerana pengaliran maklumat dua hala dan bukan memberi maklumat saja," katanya.

Katanya, ini terbukti dengan kenyataan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) bahawa PTPTN antara portal mendapat pencapaian tertinggi berbanding yang lain.

"Portal ini menerima 10,000 kunjungan sehari, sekali gus membuktikan pengunjung selesa dengan perkhidmatan kami," katanya.

Abdul Ghaffar berkata, permohonan pinjaman juga boleh dilakukan menerusi portal tanpa perlu hadir ke kaunter.

"Ini sejajar perubahan teknologi digital, PTPTN turut menjadikan media baharu sebagai platform hebahan maklumat.

"Selain itu, PTPTN juga mempunyai akaun Facebook dan Twitter sejak 2011 dan Youtube pada 2013, manakala Instagram pada 2014.

"Media sosial penting untuk kami mengetahui persoalan,

permasalahan dan kekeliruan dihadapi peminjam.

"Mereka perlu memberi komen melalui media sosial dan maklum balas segera akan diberikan kakitangan kami," katanya.

Katanya, media sosial ini juga dapat mengurangkan kos operasi PTPTN dan memberi perkhidmatan terbaik kepada peminjam.



MS.7

BH

Sabtu, 16 Disember 2017

20

1997-2017

TAHUN PTPTN

MEMPERKASA PENDIDIKAN NEGARA

TABUNG Pendidikan

Menabunglah Dengan PTPTN Melalui



(FOTO HIASAN)

PTPTN turut membuka kaunter bagi memudahkan pelanggan membuka akaun.

SSPN-i, SSPN-i Plus tawar banyak keistimewaan

Oleh Haryani Ngah
aryani@bh.com.my

Sebagai peneraju dalam pengurusan pinjaman pendidikan tinggi, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), komited memastikan hasrat kerajaan dalam meluaskan akses pendidikan berkualiti dan berkemampuan dapat direalisasikan.

PTPTN tidak hanya menyediakan pinjaman, sebaliknya turut menyediakan produk simpanan yang menawarkan pelbagai kelebihan.

Pelbagai bentuk galakan penabungan giat dilaksanakan dalam usaha mendidik minda masyarakat supaya memulakan simpanan sejak kecil bagi mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman.

Jika sebelum ini, PTPTN hanya mempunyai satu produk simpanan dikenali sebagai Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i), kini PTPTN memperkenalkan satu lagi produk SSPN-i Plus yang dilancarkan pada Jun 2015.

Istimewanya, SSPN-i Plus dilengkapi perlindungan takaful yang murah dan komprehensif. Semua ini dilaksanakan demi merealisasikan hasrat PTPTN untuk dikenali sebagai Tabung Pendidikan yang bukan saja bertindak sebagai tabung menyediakan pinjaman tetapi menjadi sebagai tabung simpanan untuk semua.

Kedua-dua produk ini adalah pelan simpanan patuh syariah untuk perancangan kewangan bagi tujuan pendidikan tinggi.

PAKEJ SIMPANAN

PAKEJ	INTAN	DELIMA	TOPAS	ZAMRUD	NILAM	BERLIAN
Simpanan SSPN-i	RM20	RM40	RM90	RM180	RM270	RM200
Sumbangan Takaful	RM10	RM10	RM10	RM20	RM30	RM300
Jumlah Komitmen	RM30	RM50	RM100	RM200	RM300	RM500
Bulan						

Terdapat banyak keistimewaan menyimpan dengan SSPN-i dan SSPN-i Plus seperti pelepasan taksiran cukai pendapatan maksimum hingga RM12,000.

Nikmati dividen kompetitif

Pendeposit berpeluang menikmati kadar dividen yang kompetitif, perlindungan takaful bagi kematian/lat akibat kemalangan/biasa, manfaat penyakit kritikal, elauan kemasukan hospital dan pampasan khairat kematian sehingga tiga anak.

Turut diberikan Geran Sepadan hingga RM10,000 bagi satu keluarga yang layak iaitu pendeposit berpendapatan isi rumah RM4,000 ke bawah dipertimbangkan untuk pemberian Geran Sepadan bagi penerima manfaat (anak-anak) yang berjaya melanjutkan pengajian ke menara gading (tertakluk syarat ditetapkan).

Dengan adanya simpanan SSPN-i ini melayakkan seseorang itu membuat permohonan pinjaman PTPTN.

Secara keseluruhan, SSPN-i Plus menawarkan banyak kelebihan yang seharusnya direbut semua

masyarakat sebagai pelan penabungan terbaik untuk anak.

Ini kerana SSPN-i Plus adalah produk yang ditambah baik daripada SSPN-i sebelum ini. Dengan pakej serendah RM30 atau serendah RM1 sehari, pendeposit berpeluang menikmati pelbagai manfaat ditawarkan. Terdapat enam pakej pilihan disediakan melalui pelan simpanan ini iaitu serendah RM30 hingga RM500.

Setiap pakej mempunyai dua bahagian utama iaitu simpanan SSPN-i iaitu simpanan tetap pendeposit setiap bulan dan akan berganda dengan dividen, manakala satu lagi bahagian takaful yang dibayar kepada pengendali takaful dengan premium serendah RM10 hingga RM300 yang melindungi pendeposit sehingga RM1 juta.

Fikir masa depan anak

Bagi Tuan Noraizan Tuan Long, 42, pelbagai keistimewaan disediakan SSPN-i membuatkan beliau tertarik untuk menabung.

"Saya memikirkan masa depan pelajaran kelima-lima anak saya selepas mereka berusia 18 tahun. Pasti banyak perbelanjaan diper-

lukan untuk menyambung pengajian pada peringkat lebih tinggi.

"Saya memilih untuk menabung dengan SSPN-i sejak 2014 kerana melihat pelbagai keistimewaan disediakan terutama ia dapat membantu saya mendapat pelepasan taksiran cukai pendapatan tahunan.

"Dividen daripada simpanan ini juga menarik dan paling tinggi adalah 4.25 peratus.

"SSPN-i adalah satu bentuk tabungan yang menarik dan ibu bapa perlu merebut peluang menabung dengan pakej ini," katanya.

Tuan Noraizan yang mempunyai anak di Tahun Satu, Ahmad Ameer Nidal Azli, 7, turut tidak melepaskan peluang merebut Geran Sepadan bernilai RM50 yang disediakan kerajaan.

Selain menyimpan, anak ketiganya, Ahmad Amirul Naim Azli, 17, turut mendapat keputusan cemerlang dalam Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) pada 2015 turut diadiahkan simpanan SSPN-i oleh Kerajaan Terengganu.

Simpanan ke menara gading

Bagi Siti Aisyah Abd Rahim, 41, simpanan SSPN-i mula dilakukannya sejak PTPTN memperkenalkan skim simpanan itu pada 2004 untuk anak sulungnya yang kini berusia 18 tahun.

"Saya simpan kerana mahu memastikan anak mendapat pinjaman PTPTN apabila menyambung pelajaran di institusi pengajian tinggi.

"Saya mempunyai tiga orang anak dan ketiga-tiga mereka mempunyai akaun SSPN-i," kata suri rumah berasal dari Nibong Tebal itu.



Saya memilih untuk menabung dengan SSPN-i sejak 2014 kerana melihat pelbagai keistimewaan disediakan terutama ia dapat membantu saya mendapat pelepasan taksiran cukai pendapatan tahunan"

Tuan Noraizan Tuan Long,
Pendeposit SSPN-i



Saya simpan kerana mahu memastikan anak mendapat pinjaman PTPTN apabila menyambung pelajaran di institusi pengajian tinggi"

Siti Aisyah Abd Rahim,
Pendeposit SSPN-i



MEMPERKASA
PENDIDIKAN
NEGARA

